

<b>Publication</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Isu / Pg. 28</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 23<sup>rd</sup> Sept 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>MPM Perkukuh Budaya Niaga Bumiputera</b>		

**Info**

**Agenda utama MPM**

- Penggerak agenda bina bangsa Melayu sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah bermu dan bertamadun
- Sebagai penggerak agenda menjulang maruah keutamaan Melayu melalui proses penyatuan, pemerikasaan dan pembudayaan bagi menjadikan bangsa Melayu hebat, bermaruah dan berkat menerajui negara maju, makmur dan sejahtera



Hamzah melawat gerai pameran ketika hadir Persidangan Tahunan Majlis Perundingan Melayu (MPM) Ketujuh di Kuala Lumpur, semalam.

# MPM perkukuh budaya niaga Bumiputera

→ Fasa kedua pelan pembangunan dirangka

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

Majlis Perundingan Melayu (MPM) yang ditubuhkan pada Mac 2010, kini memasuki fasa kedua pelan pembangunannya yang mencakupi beberapa entiti berteraskan ekonomi dan kemakmuran masyarakat Melayu.

Setiausaha Agungnya, Prof Datuk Dr Hasan Mad, berkata menerusi fasa itu mulai bulan ini hingga Ogos tahun depan, MPM semakin kukuh menerusi penubuhan beberapa entiti mencakupi MPM Diperbadankan dan Koperasi Gabungan Majlis Perundingan Melayu Berhad.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya terus memperkukuhkan beberapa inisiatif dilaksana seperti program industri halal, perdagangan eksport, automotif Bumiputera dan bina budaya bisnes Bumiputera.

**Bantu usahawan wanita**  
Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan membantu usahawan wanita menerusi pelbagai program yang memberi penekanan kepada Bina Budaya Bisnes Bumiputera.

"Agenda ekonomi lebih cenderung kepada pembinaan kemakmuran yang seimbang, bukan sekadar kemajuan kebudayaan dengan kualiti kehidupan adalah sebahagian pengisian," katanya ketika membentangkan Pelan Pembangunan Fasa Ke-2 MPM sempena Persidangan MPM Ketujuh, di sini, semalam.

Persidangan sehari itu dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kewangan, Datuk Seri Haniffa Zainuddin. Pada majlis itu, Hamzah turut melancarkan MPM Diperbadankan dan Koperasi Gabungan Majlis Perundingan Melayu Bhd.

Hasan berkata, turut menjadi tumpuan adalah kemajuan Islam yang meliputi membina penyatuan, keaktifan dan pembudayaan bangsa Melayu termasuk kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan majlis agama Islam negeri.

Dari aspek politik pula katanya, isu kedudukan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah negara akan dijadikan antara isu utama MPM dalam membantu mengukuhkan struktur pentadbiran kerajaan.

Katanya, berikutan jangkaan Pilihan Raya Umum Ke-14 akan diadakan tahun depan, Biro Politik MPM diminta membuat persiapan awal peranan dimainkan dalam pilihan raya itu khususnya membantu jentera Barisan Nasional (BN).

"Dari aspek keselamatan, pertahanan dan hal-hwal antarabangsa pula, berikutan tekanan geopolitik yang semakin menghimpit negara, kami akan membantu menangani ancaman keganasan militan seperti Daesh," katanya.

**Satukan orang Melayu**  
Sementara itu, Hamzah berkata berikutan MPM penting untuk menyatukan orang Melayu yang tidak mengagotai mana-mana parti politik yang kini dilihat berpecah kepada beberapa kumpulan serpihan.

Katanya, sejak penubuhan MPM enam tahun lalu, ia berjaya menyatukan lebih 10 juta masyarakat Melayu mengagotai 826 pertubuhan bukan kerajaan.

"Begitu susahny bila Melayu berpecah dan amat sukar menyatukannya agar memahami perjuangan kerajaan, namun MPM berjaya membuktikan Melayu boleh bersatu," katanya.



**PELANCARAN EKSKLUSIF RESIDENSI EATON**  
24<sup>th</sup> September 2016

**GALERI JUALAN RESIDENSI EATON**  
Level 45, Naza Tower, No. 10, Persiaran KLCC, Platinum Park, 50088 Kuala Lumpur

+603 2633 3333 WWW.EATONRESIDENCES.COM.MY

Residensi Eaton • Jumlah Unit: 612 • Binaan: 615kps-2,962kps • Jenis Apartment Servis 52 Tingkat • Tanah Dijangka Saiz: 2020 • Pengerusi Tanah: Rajakan 99 Tahun (1/12/2114) • Bidanan Tanah: Caj kepada RHB Bank Berhad • Lesen Pemaju: 14278-1/03-2018/01/8211 • Saha: 12/03/2016 - 11/03/2018 • No. Permit Pengiklanan dan iklan: 14278-1/03-2018/01/097 • Saha: 12/03/2016 - 11/03/2018 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • No. Kelulusan Pihak Berkuasa: SP/13/03/2015/0943 • Dibangunkan oleh: City View Ventures Sdn Bhd (Ino. Syarikat: 1071060-D), Aras 45, Naza Tower, No. 10, Persiaran KLCC, Platinum Park, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia • Harga Jualani Harga Minimum RM1,016,800 (Harga Maksimum RM400,760.00 • Diskaun Rempunera 3%

Peneraf: Maklumat yang terkandung di dalam bahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh dijadikan sebagai sebahagian dari tawaran atau kontrak. Segala gambar dan maklumat adalah pandangan artistik sahaja. Semua ukuran adalah anggaran semata-mata. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan atau perubahan di dalam penyediaan bahan ini, pihak Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang ketidakakuratan. Segala bentuk di atas adalah tertakluk kepada penubuhan, penyediaan dan penggantian sebarang jenis perkhidmatan atau perkhidmatan atau perkhidmatan oleh Pihak Pemaju atau Jurutera. Pihak Pemaju juga tidak akan dipertanggungjawabkan di atas keselamatan penghuni dan pengguna hartanah atau umtuk sebarang kecenderaan, kematian, kehilangan atau kerusakan terhadap harta atau kuantiti sebarang jenis dengan pengiraan dari penyelenggaraan servis atau kekurangan dan kelemahan daripada. Benda-benda yang ada adalah tertakluk kepada pertimbangan Pemaju.

**GSH**  
GSH REALTY